

Shell lancar Anda Pam, Kami Derma

KEBAJIKAN. Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. (Shell Malaysia Trading) melancarkan kempen Anda Pam, Kami Derma bagi menyokong usaha Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) untuk membantu pesakit buah pinggang di negara ini.

Sepanjang kempen tersebut berjalan, bagi setiap liter petrol yang dijual di 315 buah stesen minyak Shell yang mengambil bahagian di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, dan Pahang, sebanyak satu sen akan didermakan



WAKIL daripada Shell Malaysia dan NKF bergambar sempena pelancaran kempen **Anda Pam, Kami Derma** di Petaling Jaya semalam.

kepada NKF.

Kempen tersebut berjalan pada tiga hujung minggu terakhir bulan Syawal ini, iaitu pada 15-16, 22-23 dan 29-30 Jun 2019.

Pengurus Jualan Kebangsaan Shell Malaysia Trading, Zharin Mohd. Zhafrael berkata, pihaknya berharap sumbangan itu nanti dapat membantu

pesakit buah pinggang memperbaiki kehidupan mereka dan terus memainkan peranan secara aktif dalam komuniti masing-masing.